

Konflik Kerja-Keluarga, Sokongan Sosial Keluarga Dengan Depresi Dalam Kalangan Anggota Polis Di Jabatan Siasatan Jenayah Di Selangor

(*Work-Family Conflict, Family Social Support With Depression Among Police Officers In The Criminal Investigation Department In Selangor*)

Mohammad Arif Johari^{1*}, Sa'odah Ahmad¹, Zanariah Ismail¹

¹ Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor

*Pengarang Koresponden: mohammad_arif@upm.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2022.4.1.10>

Abstrak: Kajian ini telah dijalankan untuk menentukan perkaitan antara konflik kerjakeuarga dan sokongan sosial keluarga dengan depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor. Seramai 336 anggota polis yang bekerja di Jabatan Jenayah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden telah digunakan untuk mengumpul data. *Skala Work-Family Conflict Scale dan Family-Work Conflict Scale* oleh Netemeyer, Boles & McMurrian (1996) digunakan untuk mengukur tahap konflik kerja-keluarga. Sokongan sosial keluarga (emosi dan instrumental) pula telah diukur dengan menggunakan *Family Support Inventory for Workers* oleh King, Mattimore, King & Adams (1995). Tahap depresi diukur dengan menggunakan skala *Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)* oleh Lovibond & Lovibond (1995). Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara konflik kerja-keluarga, sokongan emosi dan sokongan instrumental dengan depresi responden. Kajian ini juga mendapati sokongan instrumental merupakan faktor peramal yang paling mempengaruhi depresi responden. Kajian ini menyimpulkan bahawa sokongan sosial keluarga dan persekitaran kerja-keluarga perlu diberi penekanan dalam sebarang program intervensi depresi anggota polis.

Kata kunci: konflik kerja-keluarga, sokongan sosial keluarga, depresi, anggota Polis Diraja Malaysia

Abstract: This study was conducted to determine the relationship between family work conflict and family social support with depression among police officers of the Criminal Investigation Department in Selangor. A total of 336 police officers working in the Crime Department were selected as respondents for this study. Self-filled questionnaires by the respondents were used to collect data. The *Work-Family Conflict Scale* and the *Family-Work Conflict Scale* by Netemeyer, Boles & McMurrian (1996) were used to measure the level of work-family conflict. Family social support (emotional and instrumental) was measured using the *Family Support Inventory for Workers* by King, Mattimore, King & Adams (1995). Depression levels were measured using the *Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)* by Lovibond & Lovibond (1995). The results showed that there was a significant association between work-family conflict, emotional support and instrumental support with respondents' depression. This study also found that instrumental support was the most influential predictor factor of respondents

'depression. This study concludes that family social support and work-family environment should be emphasized in any police personnel depression intervention program.

Keywords: work-family conflict, family social support, depression, members of the Royal Malaysia Police

1. Pengenalan

Depresi merujuk kepada gangguan mental yang menunjukkan perasaan tertekan, kehilangan minat dan keseronokan, penurunan tenaga dan harga diri, rasa bersalah, masalah tidur atau selera makan dan mengalami kemiskinan yang teruk (World Health Organization, 2012). Depresi adalah penyakit mental yang menyebabkan kemerosotan perasaan individu (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012). Kemerosotan perasaan ini menjejaskan kehidupan seharian dan memberi kesan kepada pola pemikiran, perasaan, tingkah laku dan kesejahteraan individu. Depresi jika tidak ditangani dengan efektif boleh mendorong kepada tindakan negatif seperti membunuh diri.

Depresi boleh berlaku dalam semua peringkat usia. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 melaporkan hampir setengah juta (2.3%) golongan dewasa dan 424,000 kanak-kanak di Malaysia, mengalami depresi. Depresi bukanlah fenomena baharu yang melanda dunia pada abad ke 21 ini. Ia merupakan penyakit mental yang boleh dihidapi oleh pelbagai lapisan ahli dalam masyarakat dan dalam pelbagai peringkat usia. Depresi memberi impak yang besar kepada individu kerana ia akan menjejaskan kualiti hidup individu tersebut. Merujuk kepada Teori Ekologi Keluarga (Bubolz & Sontag, 1993), individu mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitarannya. Maka, pengalaman atau masalah depresi individu akan mempunyai kesan limpahan kepada keluarganya.

Skop kerja polis yang mencabar boleh menyebabkan tekanan kronik akibat risiko mengalami cedera parah, dibunuh, tuntutan masyarakat dan faktor organisasi seperti waktu bekerja yang panjang, tekanan masa dan sumber yang terhad yang menyumbang kepada depresi (Collins dan Gibbs, 2003). Kajian-kajian lepas menunjukkan depresi merupakan satu penyakit mental yang dihidapi oleh anggota polis (Queiros et al, 2020; Purba & Demou, 2019; Magnavita et al. 2018; Wang, 2010). Masalah depresi ini boleh menjadi kronik dan membawa kesan buruk kepada keupayaan anggota polis untuk menjalankan komitmen di tempat kerja dan tanggungjawab terhadap keluarga.

Antara faktor yang mempengaruhi depresi adalah konflik kerja-keluarga. Konflik kerjakeuarga merupakan konflik peranan yang mewujudkan ketidakserasian antara dua domain peranan iaitu kerja dan keluarga. Kegagalan anggota polis dalam melakukan keseimbangan tanggungjawab terhadap kerja dan keluarga mendorong kepada konflik. Konflik kerjakeuarga yang semakin meningkat juga menyebabkan anggota polis cenderung untuk mengalami depresi, kerisauan dan masalah tingkah laku negatif (O'Donnell, Ortel & Berkman, 2011).

Sokongan sosial keluarga adalah bantuan yang diberikan oleh ahli keluarga dalam meningkatkan keselesaan fizikal dan psikologi bagi anggota polis yang menghadapi situasi tertekan (Chesla et al., 2004). Wujudnya sokongan keluarga dapat mengurangkan faktor konflik kerja-keluarga dan mengurangkan depresi. Bersikap positif, memberi dorongan dan

nasihat, berkongsi kerja rumah merupakan bentuk sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga untuk mengurangkan bebanan dan tekanan yang dihadapi oleh anggota polis.

Organisasi PDRM merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab mempertahankan keamanan dan ketenteraman awam yang tidak terhad kepada ketenteraman yang berkaitan manusia malah bersangkutan dengan bencana alam (Salmah, 2009). Sebarang bentuk cabaran yang dihadapi oleh anggota PDRM boleh menjadi punca depresi dan jika gagal ditangani akan memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi, fizikal dan prestasi kerja. Penurunan prestasi kerja anggota polis akan memberi kesan negatif kepada keselamatan ahli masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Dapat dirumuskan bahawa tahap kesihatan mental anggota polis merupakan faktor penting bagi meningkatkan keupayaan mereka berbakti kepada negara dalam memerangi jenayah.

Masih kurang kajian mengenai perkaitan antara konflik kerja-keluarga dan sokongan keluarga dengan depresi dalam kalangan anggota polis di Barat, begitu juga di Malaysia. Kajian lepas lebih banyak memfokus kepada peranan konflik kerja-keluarga, kesan tuntutan kerja, sokongan sosial (Cortese et al, 2010), konflik kerja-keluarga dan sokongan penyelia kepada anggota polis (Kim, Park & Yun, 2015). Justeru, kajian ini mengukur perkaitan antara konflik kerja-keluarga dan sokongan keluarga dengan depresi dalam kalangan anggota PDRM. Dapatan kajian ini berpotensi menyumbang kepada pengkayaan ilmu dalam bidang di samping boleh menjadi rujukan serta asas kepada sebarang langkah atau program intervensi yang boleh diambil oleh pihak berautoriti khususnya organisasi PDRM bagi memastikan penyakit mental seperti depresi dalam kalangan anggota polis diberi perhatian dan ditangani sewajarnya.

Objektif Kajian

Untuk memperihalkan latar belakang anggota PDRM (jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, dan jumlah tahun pendidikan), konflik kerja keluarga, sokongan keluarga dan depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.

- 1) Untuk menentukan perkaitan konflik kerja keluarga dan sokongan sosial keluarga (sokongan emosi dan sokongan instrumental) dengan depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.
- 2) Untuk menentukan faktor peramal unik yang mempengaruhi depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.

2. Ulasan Kajian Lepas

Anggota polis merupakan pihak pertama yang berada di tempat kejadian jenayah atau situasi berbahaya dan mereka jugalah yang memberi bantuan segera yang diperlukan mangsa. Tugas yang murni ini sangat diperlukan oleh masyarakat, namun ia juga boleh mendatangkan tekanan kepada fizikal dan kesihatan mental anggota polis. Anggota polis berhadapan dengan risiko keselamatan yang kritikal seperti berkemungkinan cedera parah atau terbunuh, diserang pegganas, sumber kemanusiaan dan material yang terhad, kecaman daripada orang awam dan masyarakat, kurang persefahaman daripada rakan dan keluarga yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi dan menyebabkan keletihan fizikal mereka (Queiros et al, 2020; Purba & Demou, 2019; Magnavita et al. 2018; Wang, 2010). Trauma yang dihadapi anggota polis dinyatakan dengan jelas oleh Violenti (dalam Hilliard, 2019):

“They see abused kids, they see dead bodies, they see horrible traffic accidents. And what that means is that the traumatic events and stressful events kind of build on one another... If you have to put a bulletproof vest on

before you go to work, that's an indication you're already under the possibility of being shot or killed. So all of these things weigh heavily on the psyche and over time, they hurt the officers" - John Violanti, 23-Year Police Veteran and Professor at University at Buffalo.

Konflik kerja-keluarga dalam kalangan anggota polis adalah isu yang tidak boleh dipandang ringan kerana kerjaya ini melibatkan waktu kerja mengikut syif, bekerja pada hujung minggu dan cuti umum, bekerja secara lebih masa, berhadapan dengan situasi berbahaya semasa kerja, berurusan dengan pelbagai jenis dan ragam orang awam serta tuntutan dan tekanan kerja yang tinggi di tempat kerja (Lambert et al., 2016; Hall, 2010).

Konflik kerja-keluarga mempunyai tiga dimensi iaitu konflik berdasarkan masa (*time-based conflict*), konflik berasaskan tekanan (*strain-based conflict*) dan konflik berasaskan tingkah laku (*behavior-based conflict*) (Greenhaus & Beutell, 1985; Musida & Sombuling, 2017). Konflik kerja-keluarga yang berasaskan masa berlaku apabila jumlah masa yang diperlukan oleh seseorang individu bagi memenuhi sesuatu peranan atau tanggungjawab menyukarkannya untuk memenuhi peranan yang lain (Abdullah, 2016). Menurut Siti Aisyah & Siti Khadijah (2011), konflik berasaskan masa berlaku apabila tuntutan suatu peranan menyebabkan masa terhad atau tiada masa untuk peranan yang lain. Kekurangan masa dan tenaga akibat peranan berganda iaitu di tempat kerja dan di rumah berkemungkinan meningkatkan perasaan diri yang tidak cukup dan ketidakseimbangan antara domain kerja dan keluarga.

Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara konflik kerja-keluarga berasaskan masa dengan kerjaya anggota beruniform (Rahman et al., 2013). Tahap konflik kerja-keluarga adalah lebih tinggi bagi anggota badan beruniform kerana waktu bekerja yang panjang dalam sehari (Baker & Ibrahim, 2014). Lambert et al. (2016) mengkaji konflik kerjakeluarga berasaskan masa dalam kalangan 827 anggota polis di Haryana, India mendapati kerja lebih masa (*overtime*) dan waktu bekerja yang tidak tetap meningkatkan konflik kerja keluarga. Dalam organisasi polis, jumlah jam bekerja telah terbukti mempunyai perkaitan positif dengan peningkatan konflik kerja-keluarga (Lambert et al., 2016). Dapatan ini membuktikan semakin lama masa dihabiskan di tempat kerja, semakin tinggi konflik yang dihasilkan oleh kerja terhadap keluarga.

Dapatan tersebut turut disokong oleh kajian Griffin & Sun (2018) yang menunjukkan faktor utama berlakunya depresi dalam kalangan anggota polis ialah konflik kerja-keluarga. Kajian oleh McCarty dan Skogan (2012) pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara konflik kerja-keluarga dengan lesu upaya (*burnout*) dalam kalangan anggota polis. Manakala kajian oleh Burke & Mikkelsen (2006) menyatakan bahawa anggota polis yang mengalami lesu upaya emosi yang tinggi melaporkan mempunyai konflik kerja-keluarga yang tinggi. Dapatan-dapatan ini membuktikan bahawa tahap konflik kerja-keluarga yang tinggi boleh menyebabkan tahap kesihatan menurun, prestasi kerja yang tidak memberangsangkan dan penurunan kepuasan hidup, masalah psikologi dan keletihan (Mesmer-Magnus & Vismesvaran, 2005).

Faktor sokongan sosial keluarga dikenalpasti sebagai faktor resilien yang mendorong kepada penurunan depresi dalam kalangan anggota polis. Secara umumnya sokongan yang diterima daripada ahli keluarga, rakan-rakan dan persekitaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesihatan fizikal dan psikologi individu (Gouveia et al., 2016; Wang et al., 2010). LaRocco, House & French (1980) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial keluarga dengan kesejahteraan diri dan sokongn yang diterima boleh

menurunkan tahap depresi dan kegelisahan individu. Kajian Estrada Pineda et al. (2012) menunjukkan selepas 16 minggu anggota polis yang mengalami depresi menjalankan terapi sokongan sosial keluarga, terdapat penambahbaikan dan peningkatan dalam menangani kemurungan. Kajian ini mendapati bahawa peningkatan dalam sokongan sosial keluarga berjaya menurunkan tahap depresi anggota polis.

3. Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk yang dipilih adalah korelasi dan deskriptif. Reka bentuk korelasi dipilih kerana kajian ini menentukan perkaitan antara pemboleh ubah bersandar iaitu depresi dengan pemboleh ubah bebas iaitu konflik kerjakeuarga dan sokongan keluarga. Kajian ini memfokus kepada anggota polis yang bekerja di Jabatan Siasatan Jenayah Selangor kerana mereka mempunyai skop dan ciri kerja yang menepati objektif kajian iaitu mempunyai risiko tinggi untuk menghadapi tekanan akibat kerja yang berbahaya. Manakala Selangor dipilih sebagai lokasi kajian kerana berdasarkan statistik PDRM, Selangor merupakan negeri yang mempunyai jenayah indeks tertinggi di Malaysia. Kaedah tinjauan melalui borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden kajian telah digunakan bagi proses pengumpulan data. Borang soal selidik digunakan untuk memudahkan proses pengumpulan maklumat daripada responden sama ada dari segi latar belakang (umur, jantina, taraf perkahwinan, bilangan anak dan jumlah tahun pendidikan) mahupun skor bagi setiap skala yang digunakan dalam kajian ini.

Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan formula oleh Kerjcie & Morgan (1970). Hasil pengiraan formula tersebut memberi nilai saiz sampel sebanyak $n=388.94$. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak secara berlapis dan responden telah dipilih secara rawak. Persetujuan daripada responden untuk terlibat secara sukarela telah diperolehi sebelum pendedaran borang soal selidik dilakukan. Responden turut dijelaskan tentang kerahsiaan maklumat yang diberikan. Pendedaran borang soal selidik dibantu oleh pegawai penghubung di Ibu Pejabat Daerah berkaitan. Jumlah responden sebenar kajian ini adalah seramai 336 orang setelah saringan dibuat dan mana-mana borang soal selidik yang tidak lengkap ditolak. Kajian ini juga telah mematuhi etika penyelidikan dan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan yang Melibatkan Subjek Manusia Universiti Putra Malaysia (JKEUPM-2019-268).

Pengukuran

Pemboleh ubah bersandar kajian adalah depresi yang diukur dengan menggunakan instrumen *Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)* oleh Lovibond & Lovibond (1995) yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Professor Dr Ramli Musa (Pusat Maklumat dan Kajian Kesihatan Mental, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia). Skala ini mengandungi 21 item yang mengukur depresi/kemurungan, kegelisahan, dan tekanan individu. Pengukuran adalah dalam bentuk skala likert empat mata iaitu '0 = Tidak Diterapkan pada diri saya, '1 = Diterapkan kepada saya untuk beberapa peringkat atau beberapa masa', '2 = Diterapkan kepada saya untuk sebahagian masa', dan '3 = Diterapkan kepada saya dalam kebanyakan masa'. Nilai alfa Cronbach yang dicatatkan adalah 0.80 bagi keseluruhan skala. Nilai alfa Cronbach bagi depresi/kemurungan adalah 0.80, kegelisahan adalah 0.72 dan tekanan adalah 0.77.

Manakala, konflik kerja-keluarga pula diukur dengan menggunakan skala *Work-Family Conflict Scale (WFC) and Family-Work Conflict Scale (FWC)* oleh Netemeyer, Boles & McMurrian (1996). Skala ini mengandungi 10 item bagi mengukur konflik kerja-keluarga dan

konflik keluarga-kerja responden. Terdapat 5 mata likert yang digunakan iaitu '1 = Sangat Tidak Setuju', '2 = Agak Tidak Setuju', '3 = Kadang-Kadang Setuju atau Tidak Setuju', '4 = Setuju', '5=Sangat Setuju'. Nilai alfa Cronbach yang dicatatkan adalah 0.88 bagi konflik kerja-keluarga manakala 0.86 bagi konflik keluarga- kerja.

Sokongan keluarga pula diukur dengan menggunakan *Family Support Inventory for Workers (FSIW)* yang dibangunkan oleh King, Mattimore, King & Adams (1995). Skala ini mengandungi 44 item yang mengandungi 2 subskala iaitu sokongan emosi (29 item) dan sokongan instrumental (15 item). Item dalam skala ini mempunyai 5 mata likert iaitu '1 = Sangat Tidak Setuju', '2 = Tidak Setuju', '3 = Kadang-Kadang Tidak Setuju', '4 = Setuju', '5=Sangat Setuju'. Nilai reliabiliti, alfa Cronbach dalam kajian lepas bagi subskala sokongan emosi ialah di antara 0.95 hingga 0.97 manakala sokongan instrumental adalah 0.93 hingga 0.94.

Analisis Data Kajian

Kajian data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 19.0. Statistik deskriptif telah digunakan untuk memperihali ciri personal responden, konflik kerja-keluarga dan sokongan keluarga. Ujian Pekali Korelasi Pearson pula telah digunakan untuk menentukan perkaitan antara konflik kerja-keluarga dan sokongan keluarga dengan depresi dalam kalangan anggota PDRM. Manakala, ujian Regresi Berganda pula digunakan untuk menentukan faktor peramal unik bagi depresi.

4. Perbincangan dan Dapatan Kajian

Ciri Personal Anggota Polis

Jadual 1 menunjukkan data deskriptif mengenai ciri personal responden iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak dan jumlah tahun pendidikan. Berdasarkan analisis tersebut, jumlah responden adalah seramai 336 orang yang terdiri daripada responden lelaki sebanyak 67.6 peratus (n=227) dan responden perempuan sebanyak 32.4 peratus (n=109). Selain itu, peratusan responden yang berumur 19 hingga 38 tahun adalah sebanyak 60.4 peratus (n=203). Peratusan responden berumur antara 39 hingga 58 tahun adalah sebanyak 38.1 peratus (n=128) manakala peratusan responden yang berumur melebihi 58 tahun iaitu 1.2 peratus (n=5).

Majoriti responden adalah mempunyai taraf berkahwin iaitu sebanyak 97.6 peratus (n=328) diikuti dengan responden yang bercerai sebanyak 2.4 peratus (n=8). Kebanyakan responden mempunyai 1 hingga 5 orang anak (84.2 peratus, n=283). Manakala, responden yang tidak mempunyai anak adalah sebanyak 10.4 peratus (n=35), peratusan responden yang mempunyai 6 hingga 10 orang anak sebanyak 5.1 peratus (n=17) dan responden yang melebihi 10 orang anak sebanyak 0.3 peratus (n=1).

Dari aspek jumlah tahun pendidikan, sebanyak 0.3 peratus (n=1) responden mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 1 hingga 6 tahun (UPSR). Peratusan responden yang mempunyai jumlah tahun pendidikan sebanyak 7 hingga 9 tahun (PMR/PT3) adalah sebanyak 2.1 peratus (n=7). Hampir separuh daripada responden (49.7 peratus, n=167) mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 10 hingga 11 tahun (SPM) dan diikuti dengan 27.4 peratus (n=192) responden mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 12 hingga 14 tahun (STPM/ Asasi/ Matrikulasi). Sebanyak 17.3 peratus (n=58) responden mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 15 hingga 18 tahun (Sarjana Muda) manakala peratusan responden yang mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 19 hingga 21 tahun (Sarjana) adalah sebanyak 2.4 peratus (n=8). Peratusan bagi responden yang mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 22 hingga

24 tahun (PhD) adalah sebanyak 0.3 peratus (n=1) dan peratusan responden yang mempunyai jumlah tahun pendidikan sebanyak 25 tahun ke atas adalah sebanyak 0.6 peratus (n=1).

Jadual 1: Ciri Personal Anggota PDRM (n=336)

Demografi	Frekuensi (N)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	270	67.6
Perempuan	109	32.4
Umur		
19-38 tahun	203	60.4
39-58 tahun	128	38.1
>38 tahun	5	1.2
Taraf Perkahwinan		
Berkahwin	328	97.6
Bercerai	8	2.4
Bilangan Anak		
Tiada anak	35	10.4
1-5 orang	283	84.2
6-10 orang	17	5.1
>10 orang	1	0.3
Jumlah Tahun Pendidikan		
1-6 tahun (UPSR)	1	0.3
7-9 tahun (PMR/PT3)	7	2.1
10-11 tahun (SPM)	167	49.7
12-14 tahun (Diploma/Asasi/Matrikulasi)	92	27.4
15-18 tahun (Sarjana Muda)	58	17.3
19-21 tahun (Sarjana)	38	2.4
22-24 tahun (PHD)	1	0.3
25 tahun ke atas	2	0.6

Tahap konflik kerja-keluarga, sokongan sosial keluarga dan depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.

Jadual 2 menunjukkan tahap konflik kerja-keluarga responden yang dibahagikan kepada tiga iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Hasil kajian melaporkan kebanyakan (77.9 peratus, (n=260) responden mempunyai tahap konflik kerja-keluarga yang sederhana. Ini diikuti dengan 15.2 peratus (n=51) responden melaporkan mempunyai tahap konflik kerja-keluarga yang tinggi. Hanya 7.4 peratus (n=25) responden melaporkan mempunyai tahap konflik kerja-keluarga yang rendah. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai tahap konflik kerja-keluarga secara sederhana.

Jadual 2 Konflik Kerja-Keluarga (n=336)

Konflik Kerja-Keluarga	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	25	7.4
Sederhana	260	77.9
Tinggi	51	15.2
Jumlah	405	100.0

Jadual 3 menunjukkan kebanyakan responden, iaitu sebanyak 72.3 peratus (n=243) melaporkan mempunyai tahap sokongan emosi yang sederhana. Manakala, 12.8 peratus (n=43) responden melaporkan mempunyai tahap sokongan emosi yang tinggi. Hanya 14.9 peratus (n=50) responden yang melaporkan mempunyai tahap sokongan emosi yang rendah. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai sokongan emosi secara sederhana

Jadual 3: Sokongan Emosi (n=336)

Sokongan Keluarga	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	43	12.8
Sederhana	243	72.3
Tinggi	50	14.9
Jumlah	336	100.0

Jadual 4 menunjukkan kebanyakan responden, iaitu sebanyak 70.8 peratus (n=238) melaporkan mempunyai tahap sokongan instrumental yang sederhana. Manakala, 16.4 peratus (n=55) responden melaporkan mempunyai tahap sokongan instrumental yang tinggi. Hanya 12.8 peratus (n=43) responden yang melaporkan mempunyai tahap sokongan instrumental yang rendah. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai sokongan instrumental secara sederhana

Jadual 4: Sokongan Instrumental (n=336)

Sokongan Keluarga	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	43	12.8
Sederhana	238	70.8
Tinggi	55	16.4
Jumlah	336	100.0

Jadual 5 menunjukkan lebih separuh daripada responden, iaitu sebanyak 73.2 peratus (n=246) melaporkan mempunyai tahap depresi yang normal. Ini diikuti dengan 15.2 peratus (n=51) responden mempunyai tahap depresi yang sederhana dan responden yang mempunyai tahap depresi secara ringan adalah sebanyak 11.3 peratus (n=38). Hanya 0.3 peratus (n=1) responden yang melaporkan mempunyai tahap depresi yang teruk. Akhir sekali, 0 peratus (n=0) responden mempunyai tahap depresi yang sangat teruk. Data kajian menunjukkan depresi pada tahap normal yang dialami responden.

Jadual 5: Depresi (n=336)

Depresi	Kekerapan	Peratus (%)
Normal (0-9)	246	73.2
Ringan (10-13)	38	11.3
Sederhana (14-20)	51	15.2
Teruk (21-27) 1 0.3 Sangat Teruk (>28) 0 0		
Jumlah	336	100.0

Perkaitan antara konflik kerja-keluarga dan sokongan sosial keluarga (sokongan emosi dan sokongan instrumental) dengan depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.

Bagi menentukan perkaitan antara konflik kerja-keluarga dengan depresi responden, ujian Pekali Korelasi telah dijalankan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara konflik kerja-keluarga dengan depresi kerana nilai $r = 0.250^{**}$ dan nilai $p < 0.000$ (rujuk jadual 6). Ini bermaksud konflik kerja-keluarga mempengaruhi depresi. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Warr (2015) yang mendapati konflik kerja-keluarga memberi kesan terhadap kesihatan mental individu. Kajian empirikal mendapati bahawa konflik kerja keluarga yang tinggi dikaitkan dengan keletihan, tekanan dan kepuasan kerja yang rendah (Schieman & Glavin, 2011).

Jadual 6: Perkaitan konflik kerja-keluarga dengan depresi anggota polis (n=336)

Pembolehubah	Depresi	
	r	p
Konflik Kerja-Keluarga	0.250**	0.000

Perkaitan antara sokongan emosi dengan depresi responden telah diukur melalui analisis ujian Pekali Korelasi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara sokongan emosi dengan depresi kerana nilai $r = 0.296^{**}$ dan nilai $p < 0.000$ (rujuk Jadual 7). Ini bermakna bahawa sokongan emosi mempengaruhi depresi.

Dapatan kajian menunjukkan perhubungan yang negatif antara sokongan emosi dengan depresi. Kajian ini disokong oleh Lincoln dan Chae (2011) menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang negatif dan signifikan antara sokongan emosi dengan depresi. Sokongan emosi merupakan faktor pelindung yang diterima daripada ahli keluarga bagi menurunkan tahap depresi. Sokongan emosi dapat dilihat apabila ahli keluarga (pasangan atau anak-anak) kerap bertanya khabar kepada ahli keluarga yang bekerja, rasa disayangi dan dijaga, mendengar masalah di tempat kerja dan bimbang terhadap kesejahteraan ahli keluarga yang bekerja (Lincoln & Chae, 2011)

Jadual 7: Perkaitan sokongan emosi dengan depresi anggota polis (n=336)

Pembolehubah	Depresi	
	r	p
Sokongan Emosi	0.296 **	0.000

Nota: $p \leq 0.05$, $**p \leq 0.01$, $***p \leq 0.001$

Ujian Pekali Korelasi Pearson telah digunakan untuk menentukan perkaitan antara sokongan instrumental dengan depresi responden. Hasil ujian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan dan negatif di antara sokongan instrumental dengan depresi anggota PDRM kerana nilai $r = 0.343^{**}$ dan nilai $p < 0.000$ (Jadual 8). Ini bermaksud sokongan instrumental mempengaruhi tahap depresi anggota PDRM. Hasil kajian ini konsisten dengan kajian yang menunjukkan bahawa sokongan sosial merupakan faktor penampan yang memberi impak positif iaitu menurunkan tahap kemurungan individu (Fauth, Gerstorf, Ram, & Malmberg, 2012).

Jadual 8: Perkaitan sokongan instrumental dengan depresi anggota polis (n=336)

Pembolehubah	Depresi	
	r	p
Sokongan Instrumental	0.343**	0.000

Faktor peramal unik depresi dalam kalangan anggota polis Jabatan Siasatan Jenayah di Selangor.

Analisis regresi berganda yang dijalankan berjaya menghasilkan model regresi yang signifikan. Konflik kerja-keluarga merupakan peramal utama (unik) terhadap depresi responden. Sebanyak 19 peratus varian ($R^2 = 0.148$) depresi dijelaskan oleh sokongan instrumental dengan nilai $F = 19.270$ pada aras signifikan $p < 0.00$ (rujuk Jadual 9). Nilai Beta (β) menunjukkan faktor yang paling kuat mempengaruhi depresi anggota polis adalah faktor sokongan instrumental, nilai $\beta = 0.308$, $p < 0.01$ diikuti konflik kerja-keluarga dengan nilai $\beta = 0.160$, $p < 0.01$ dan sokongan emosi dengan nilai $\beta = -0.0003$, $p < 0.01$

Penemuan kajian ini bersesuaian dengan kajian lepas yang menegaskan bahawa sokongan instrumental (ahli keluarga membantu menguruskan tugas rumah tangga, menyediakan makanan, dan membeli barang harian untuk keluarga) berjaya mengurangkan beban responden dan kemurungan responden (Parasuraman, 1996)

Jadual 9 Analisis Regrasi Berganda Depresi (n=336)

Pembolehubah	Depresi		
	B	SE.B	Beta, β
Konflik Kerja-Keluarga	0.171	0.057	0.160
Sokongan Emosi	-0.001	0.031	-0.003
Sokongan Instrumental	0.176	0.061	0.308
R^2		0.148	
Adjusted R^2		0.141	
F		19.270	

5. Kesimpulan

Depresi merupakan gangguan perasaan seseorang yang menyebabkan seseorang itu merasa sedih yang berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta hilang minat dalam aktiviti harian. Kesihatan mental merupakan faktor penting dalam menentukan kesediaan seseorang individu menempuh cabaran di tempat kerja dan kehidupan berkeluarga. Kajian ini menyimpulkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi depresi adalah konflik kerja-keluarga. Menjalankan tugas kepolisan yang mencabar dan berisiko terutamanya di bahagian siasatan jenayah jelas memerlukan fokus dan komitmen yang tinggi. Cabaran berganda dihadapi oleh anggota polis yang telah berkahwin. Pengurusan yang bijak antara kerjaya dan keluarga perlu dilakukan sebaiknya kerana kajian telah membuktikan konflik kerja-keluarga adalah faktor yang paling mempengaruhi depresi anggota polis. Hal ini turut ditegaskan juga oleh Xiao et al., (2014) yang menyatakan bahawa konflik kerja-keluarga adalah faktor yang berpotensi mempunyai kesan negatif terhadap kesejahteraan mental individu. Kesimpulannya, isu kesihatan mental seperti depresi dalam kalangan anggota polis perlu diberi perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak berautoriti terutamanya PDRM

kerana tahap kesihatan mental yang baik amat diperlukan agar anggota polis mampu menjalankan tugas berat melindungi keselamatan awam dan dalam masa yang sama mencapai kebahagiaan hidup berkeluarga. Sebarang perancangan penambahbaikan Dasar Kesihatan Mental dan program intervensi depresi perlulah mengambil kira aspek konflik kerja keluarga dan sokongan sosial keluarga kerana sebagaimana yang dinyatakan dalam Teori Ekologi Keluarga (Bubolz & Sontag, 1993), individu mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitarannya. Maka, pengalaman atau masalah depresi individu akan mempunyai kesan limpahan kepada keluarganya.

Rujukan

- Abdullah, N. A. C. (2016). Konflik kerja-keluarga dalam kalangan pensyarah: satu tinjauan. Abdullah, N. A. C. (2016). Konflik kerja-keluarga dalam kalangan pensyarah: satu tinjauan. *Sains Humanika*, 8(4-2).
- Ahmad, A. (2008). Job, Family and Individual Factors as Predictors of Work-Family Conflict. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(1), 57–65.
- Allen, T. D. (2001). Family-supportive work environments: The role of organizational perceptions. *Journal of Vocational Behavior*, 58, 414-435.
- Anderson, S. E., Coffey, B. S., & Byerly, R. T. (2002). Formal organizational initiatives and informal workplace practices: Links to work-family conflict and job-related outcomes. *Journal of Management*, 28, 787-810.
- Baker, R., & Ibrahim, H. I. (2014). Tekanan kerja dalam organisasi kepolisan: Tinjauan dalam perspektif kecerdasan emosi. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(2).
- Bjelland, I., Krokstad, S., Mykletun, A., Dahl, A. A., Tell, G. S., & Tambs, K. (2008). Does a higher educational level protect against anxiety and depression? The HUNT Study. *Social science & medicine*, 66(6), 1334-1345.
- Bowler, R. M., Kornblith, E. S., Li, J., Adams, S. W., Gocheva, V. V., Schwarzer, R., & Cone, J. E. (2016). Police officers who responded to 9/11: Comorbidity of PTSD, depression, and anxiety 10–11 years later. *American journal of industrial medicine*, 59(6), 425-436.
- Boyar, S. L., Carson, C. M., Mosley, D. C., Maertz, C. P., & Pearson, A. W. (2006). Assessment of the validity of Netemeyer et al.'s (1996) WFC and FWC scales. *International Journal of Conflict Management*, 17(1), 34–44. <https://doi.org/10.1108/10444060610734163>.
- Bubolz, M.M. & Sontag, M.S. (1993). Human ecology theory. In P.G. Boss, W.J. Doherty, R. LaRossa, W.R. Schumm, & S.K. Steinmetz (Eds.), *Sourcebook of family theories and methods: A contextual approach* (pp. 419-448). New York: Plenum Press.
- Burke, R. J., Mikkelsen, A (2006) Examining the career plateau among police officers. *Policing: An International Journal of Police Strategies and Management*, 29(4): 691–703
- Cortese, C. G., Colombo, L., & Ghislieri, C. (2010). Determinants of nurses' job satisfaction: the role of work-family conflict, job demand, emotional charge and social support. *Journal of nursing management*, 18(1), 35-43.
- Cooper, C. L., Rout, U., & Faragher, B. (2013). Mental health, job satisfaction, and job stress among general practitioners. In *From Stress to Wellbeing Volume 1: The Theory and Research on Occupational Stress and Wellbeing* (pp. 349–361). Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781137310651>
- Dean, A., Kolody, B., & Wood, P. (1990). Effects of social support from various sources on depression in elderly persons. *Journal of Health and Social Behavior*, 31(2), 148–161. <https://doi.org/10.2307/2137169>

- Desjardins, T. L., & Leadbeater, B. J. (2010). Relational Victimization and Depressive Symptoms in Adolescence: Moderating Effects of Mother, Father, and Peer Emotional Support. *Journal of Youth and Adolescence*, 40(5), 531–544. doi:10.1007/s10964-010-9562-1
- Dollard, M. F., & Bakker, A. B. (2010). Psychosocial safety climate as a precursor to conducive work environments, psychological health problems, and employee engagement. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 83(3), 579– 599. <https://doi.org/10.1348/096317909X470690>
- Esson, P. L. (2004). Consequences of Work-Family Conflict: Testing a New Model of WorkRelated, Non-Work Related and Stress-Related Outcomes. MASTERS OF SCIENCE, Virginia Polytechnic Institute and State University, 101. <https://doi.org/10.1007/s40616-014-0026-7>
- Estrada Pineda, C., Herrero Olaizola, J., & Rodríguez Díaz, F. J. (2012). La red de apoyo en mujeres víctimas de violencia contra la pareja en el estado de Jalisco (México). *Universitas Psychological*, 11(2), 523-534.
- Frone, M. R. (2000). Work-family conflict and employee psychiatric disorders: The National Comorbidity Survey. *Journal of Applied Psychology*, 85, 888-895.
- Frone, M. R., Russell, M., & Cooper, M. L. (1992). Antecedents and outcomes of workfamily conflict: Testing a model of the work-family interface. *Journal of Applied Psychology*, 77, 65-78.
- Goh, Z., Ilies, R., & Wilson, K. S. (2015). Supportive supervisors improve employees' daily lives: The role supervisors play in the impact of daily workload on life satisfaction via a work-family conflict. *Journal of Vocational Behavior*, 89, 65-73.
- Greenhaus, J. H. and Beutell, N. J. (1985). Sources of conflict between work and family roles. *Academy of Management Review*, 10, 76-88.
- Greenhaus, J. H., Allen, T. D., & Spector, P. E. (2006). Health Consequences of WorkFamily Conflict: The Dark Side of the Work-Family Interface. *Research in Occupational Stress and Well Being*. [https://doi.org/10.1016/S1479-3555\(05\)05002X](https://doi.org/10.1016/S1479-3555(05)05002X)
- Griffin, J. D., & Sun, I. Y. (2018). Do work-family conflict and resiliency mediate police stress and burnout: a study of state police officers. *American Journal of Criminal Justice*, 43(2), 354-370.
- Garbarino, S., Cuomo, G., Chiorri, C., & Magnavita, N. (2013). Association of work-related stress with mental health problems in a special police force unit. *BMJ Open*, 3(7). <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2013-002791>
- Hall G. B, Dollard M. F., Tuckey M. R., Winefield A. H., Thompson, B. M. (2010). Job demands, work-family conflict, and emotional exhaustion in police officers: a longitudinal test of competing theories. *J Org Work Psychol* 83(1):237–250. <https://doi:10.1348/096317908X401723>
- Hammer, L. B., Kossek, E. E., Anger, W. K., Bodner, T., & Zimmerman, K. L. (2011). Clarifying work-family intervention processes: The roles of work-family conflict and family-supportive supervisor behaviors. *Journal of Applied Psychology*, 96(1), 134.
- Harandi, T. F., Taghinasab, M. M., & Nayeri, T. D. (2017). The correlation of social support with mental health: A meta-analysis. *Electronic Physician*, 9(9), 5212-5222. doi:10.19082/5212
- Hung, M., Bounsanga, J., Voss, M. W., Crum, A. B., Chen, W., & Birmingham, W. C. (2016). The relationship between family support; pain and depression in elderly with arthritis. *Psychology, Health & Medicine*, 22(1), 75–86. doi:10.1080/13548506.2016.1211293
- LaRocco, J. M., House, J. S. and French, J. R. P. (1980). Social support, occupational stress, and health, *Journal of Health and Social Behavior*, 21, 202-218.

- Lincoln, K. D., & Chae, D. H. (2011). Emotional support, negative interaction and major depressive disorder among African Americans and Caribbean Blacks: findings from the National Survey of American Life. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 47(3), 361–372. doi:10.1007/s00127-011-0347-y
- Kim, S. L., Lee, S., Park, E., & Yun, S. (2015). Knowledge sharing, work-family conflict and supervisor support: Investigating a three-way effect. *The International Journal of Human Resource Management*, 26(19), 2434-2452.
- Kossek, E. E., Pichler, S., Bodner, T., & Hammer, L. B. (2011). Workplace social support and work-family conflict: A meta-analysis clarifying the influence of general and work-family-specific supervisor and organizational support. *Personnel Psychology*, 64(2), 289-313.
- Lambert, E. G., Qureshi, H., & Frank, J. (2016). Spilling over: An exploratory study of the correlates of strain-based work-family conflict among police officers in India. *International Journal of Police Science & Management*, 18(2), 87-103.
- Lv, J. (2018) Family Supportive Supervisor Behaviors and Family-Like Employee Organization Relationship: Effects on Employees Organizational Citizen Behavior. *Open Journal of Business and Management*, 6, 400-411. doi: 10.4236/ojbm.2018.62029.
- Magnavita, N., Capitanelli, I., Garbarino, S. & Pira, E. (2018). Work-related stress as a cardiovascular risk factor in police officers: a systematic review of evidence. *Int. Arch. Occup. Environ. Health* 91, 377–389. doi: 10.1007/s00420-018-1290-y.
- McCarty, W., & Skogan, W. (2012). Job-related burnout among civilian and sworn police personnel. *Police Quarterly*, 16, 66-84.
- McTernan, W. P., Dollard, M. F., & LaMontagne, A. D. (2013). Depression in the Workplace: An economic cost analysis of depression-related productivity loss attributable to job strain and bullying. *Work & Stress*, 27(4), 321–338. doi:10.1080/02678373.2013.846948
- Mesmer-Magnus, J.R., & Vismesvaran, C. (2005). Convergence between measures of workto-family and family-to-work conflict: A meta-analytic examination. *Journal of Vocational Behaviour*, 67(2), 215–232.
- Michel, J. S., Kotrba, L. M., Mitchelson, J. K., Clark, M. A., & Baltes, B. B. (2011). Antecedents of work-family conflict: A meta-analytic review. *Journal of Organizational Behavior*, 32(5), 689–725. <https://doi.org/10.1002/job.695>
- Musida, N. and Sombuling, A. (2017). Pengaruh Konflik Kerja-Keluarga Terhadap Kepuasan Hidup Dalam Kalangan Ibu Bapa Bekerja, *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(3).
- Netemeyer, R. G., Boles, J. S., & McMurrian, R. (1996). Development and validation of work-family conflict and family-work conflict scales. *Journal of Applied Psychology*, 81, 400-410.
- NHMS (2019). https://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Infographic_Booklet_NHMS_2019-BM.pdf
- Nohe, C., & Sonntag, K. (2014). Work-family conflict, social support, and turnover intentions: A longitudinal study. *Journal of Vocational Behavior*, 85(1), 1-12.
- O'Brien, K. M., Ganginis Del Pino, H. V., Yoo, S.-K., Cinamon, R. G., & Han, Y.-J. (2014). Work, family, support, and depression: Employed mothers in Israel, Korea, and the United States. *Journal of Counseling Psychology*, 61(3), 461–472. doi:10.1037/a0036339
- O'Donnell, E. M., Ertel, K. A., & Berkman, L. F. (2011). Depressive Symptoms in Extended Care Employees: Children, Social Support, and Work-Family Conditions. *Issues in Mental Health Nursing*, 32(12), 752–765

- Obidoa, C., Reeves, D., Warren, N., Reisine, S., & Cherniack, M. (2011). Depression and work-family conflict among corrections officers. *Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 53(11), 1294-1301.
- Panatik, S. A., Khadijah, S., & Badri, Z. (2012). Jurnal Teknologi Full paper Konflik KerjaKeluarga, Kesehatan Mental dan Kecenderungan Tukar. *Tekhnologi*, 59(1998), 51–56.
- Purba, A., & Demou, E. (2019). The relationship between organisational stressors and mental wellbeing within police officers: a systematic review. *BMC Public Health*, 19(1), 1286.
- Queirós, C., Passos, F., Bártolo, A., Marques, A. J., da Silva, C. F., & Pereira, A. (2020). Burnout and stress measurement in police officers: literature review and a study with the operational police stress questionnaire. *Front. Psychol.*, 11-587. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00587>
- Rahman, U. (2013). Efikasi diri, kepuasan kerja, dan organizational citizenship behavior pada guru man di Sulawesi. *Jurnal Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan UIN Alauddin Makassar*, 16(1), 1–15.
- Rehman, R. R., & Waheed, A. (2012). Work-Family Conflict and Organizational Commitment: Study of Faculty Members in Pakistani Universities. *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology*, 9(2), 23–26.
- Sabil, Surena (2012) Sokongan Organisasi Dan Konflik Kerja-Famili Terhadap Pengayaan Kerja-Famili Dalam Kalangan Wanita Profesional Di Sarawak. PhD Thesis, University of Malaya.
- Siti Aisyah, P. & Siti Khadijah, Z. B. (2012). Konflik Kerja-keluarga, Kesehatan Mental dan Kecenderungan Tukar Ganti dalam Kalangan Guru. *Jurnal Teknologi*, 59: 51–56.
- Tonsing, K., Zimet, G. D., & Tse, S. (2012). Assessing social support among South Asians: The multidimensional scale of perceived social support. *Asian Journal of Psychiatry*, 5(2), 164–168. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2012.02.012>
- Tran, T. D., Tran, T., & Fisher, J. (2013). Validation of the depression anxiety stress scales (DASS) 21 as a screening instrument for depression and anxiety in a rural community-based cohort of northern Vietnamese women. *BMC Psychiatry*, 13. <https://doi.org/10.1186/1471-244X-13-24>
- Tsionou, T., & Konstantopoulos, N. (2015). The Complications and Challenges of the Workfamily Interface: A Review Paper. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 175, 593–600. doi: 10.1016/j.sbspro.2015.01.1242
- Westring, A. F., & Ryan, A. M. (2011). Anticipated work-family conflict: A construct investigation. *Journal of Vocational Behavior*, 79(2), 596–610. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2011.02.004>
- Wang, Y., Peng, J. (2017). Work-Family Conflict and Depression in Chinese Professional Women: the Mediating Roles of Job Satisfaction and Life Satisfaction. *Int J Ment Health Addiction* 15, 394–406. <https://doi.org/10.1007/s11469-017-9736-0>
- Wang, Z., Inslicht, S. S., Metzler, T. J., Henn-Haase, C., McCaslin, S. E., Tong, H., ... Marmar, C. R. (2010). A prospective study of predictors of depression symptoms in the police. *Psychiatry Research*, 175(3), 211–216. <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2008.11.010>
- Weil, J., Hutchinson, S. R., & Traxler, K. (2014). Exploring the relationships among performance-based functional ability, self-rated disability, perceived instrumental support, and depression: a structural equation model analysis. *Research on Aging*, 36(6), 683-706.
- Zhou, S., Da, S., Guo, H., & Zhang, X. (2018). Work-family conflict and mental health among female employees: A sequential mediation model via negative affect and perceived stress. *Frontiers in Psychology*, 9(APR). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00544>